

R GB 31-12 00189 BH803

BAH'

SEBAR MAKLUMAT MENGENAI PENCAPAIAN NEGARA, KATA MAHATHIR

Mahathir - Maklumat

I

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Lebih banyak maklumat mengenai pencapaian negara, sama ada di dalam negeri atau di luar negara, perlu disebarkan kepada umum untuk membanteras usaha oleh media asing tertentu yang memberi maklumat palsu mengenai kejayaan negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata orang ramai mudah mendapat maklumat dari luar negara, yang tidak semestinya betul, dengan adanya teknologi penyiaran dan telekomunikasi moden pada masa ini.

+Jadi, kita mesti berusaha memberi maklumat yang benar untuk membanteras laporan media asing itu,+ katanya dalam temuramah yang disiarkan secara langsung oleh rangkaian nasional RTM di sini malam ini. Temuramah itu dikendalikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Datuk Jaafar Kamin.

Beliau memuji usaha RTM kerana menggerakkan semula Unit Radio Bergerak yang boleh menyampaikan maklumat mutakhir kepada orang ramai, terutama penduduk di luar bandar.

Ketika ditanya mengenai harapannya bagi tahun depan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata negara mesti bergcrak ke hadapan dan oleh itu, rakyat perlu bekerja bersama-sama dalam suasana harmoni dan bersatu padu. -- Lagi

▼31/12/00-22MST

R GB 31-12 00117 BH804

BAH

Mahathir - Maklumat 2 (Akhir) Kuala Lumpur

+Saya berharap rakyat akan mengambil kesempatan daripada kestabilan ekonomi dan politik negara ini untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi memajukan diri mereka dan negara.

+Bagi saya, saya gembira kerana negara ini telah mencapai kemajuan yang pesat dalam jangka masa yang pendek,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pelbagai dasar kerajaan untuk membawa pembangunan telah diterima oleh semua kaum.

Sebelum itu, Perdana Menteri dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Alim menghadiri konsert +Muzika Perdana+ yang disiarkan secara langsung oleh RTM dari Angkasapuri.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan lencana +Setia+ kepada Datuk Jaafar dan beberapa pegawai RTM yang lain. -- Bernama

▼31/12/00-34MST